

19/10/1998

Merangsang semula ekonomi negara

Kadir Dikoh

BELANJAWAN negara kali ini dilihat dengan persepsi yang berbeza. Kebanyakan rakyat ingin melihat bagaimana kerajaan merangka strategi bagi merangsangkan ekonomi yang mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan berikutan kegawatan ekonomi yang berlarutan lebih 15 bulan. Semua pihak memahami mereka tidak boleh terlalu mengharap kerajaan `bermurah hati'.

Jika ada insentif tertentu, ia sudah pasti bertujuan mengimbangkan keadaan. Misalnya, negara memerlukan kemasukan tukaran asing dan dengan itu kemungkinan besar sektor eksport diberi galakan khusus. Begitu juga bagi industri, syarikat dan sektor tertentu, yang mungkin turut diberi galakan khusus kerana kerajaan mahukan sektor swasta menggiatkan semula kegiatan bagi merangsang pemulihan ekonomi.

Di kalangan peniaga, perkara pokok yang lazimnya diberi tumpuan ialah cukai korporat. Dalam Belanjawan 1998, cukai korporat dikurangkan sebanyak dua peratus kepada 28 peratus dan apakah ia sekali lagi diturunkan?

Berdasarkan langkah kerajaan sejak kebelakangan ini atau sektor korporat yang kelihatan kurang bermaya sejak setahun lalu berikutan kesan kegawatan, kemungkinan besar cukai korporat itu diturunkan, jika tidak dikekalkan pada tahap sekarang.

"Dengan matlamat menggalakkan pembabitan sektor swasta dalam membantu pembangunan ekonomi negara, pengurangan cukai korporat akan menjadi penggalak bagi pertumbuhan syarikat. Ini juga dikatakan sejajar dengan usaha kerajaan mengurangkan kadar cukai korporat di negara ini kepada 26 peratus menjelang tahun 2000," kata seorang akauntan bertaualiah di sebuah firma perakaunan.

Ketika ini, kadar cukai korporat di Malaysia masih lagi tinggi berbanding Hong Kong, Singapura dan Taiwan yang mempunyai kadar paras cukai antara 16.5 hingga 26 peratus. Kali terakhir cukai korporat diturunkan ialah sebanyak dua peratus pada Belanjawan 1996.

Walaupun ada pihak yang menganggap penurunan cukai korporat akan menjurus kepada pengurangan sumber pendapatan kerajaan dalam keadaan semasa, hakikatnya tidak sedemikian. Ini kerana ketika kerajaan mengumumkan penurunan cukai korporat sebanyak dua peratus pada 1995, ia membolehkan kerajaan mengaut lebih kutipan cukai korporat sebanyak 10.8 peratus. Misalnya, sepanjang 1996 saja, jumlah pendapatan Kerajaan Persekutuan daripada cukai korporat dianggarkan kira-kira RM14.2 bilion dan ia dijangka lebih tinggi tahun lalu.

Kenaikan itu ialah kerana walaupun kadar cukai terbabit dikurangkan, secara tidak langsung ia mendorong pertumbuhan pesat sektor swasta yang seterusnya menjurus kepada kutipan lebih banyak.

"Pengurangan selanjutnya cukai korporat akan dilihat sebagai satu galakan dalam mengiktiraf sumbangan sektor korporat negara," kata seorang penganalisis. Pengurangan cukai korporat juga akan pasti menarik pelabur asing terutama membabitkan pelaburan langsung asing (FDI) bagi mengerak dana dalam negara.

Thailand dan Indonesia mempunyai kadar cukai korporat sebanyak 30 peratus dan dalam keadaan ringgit yang stabil sekarang setelah ditambah pada RM3.80 berbanding satu dolar Amerika serta kekukuhan yen dengan nilai dolar Amerika menurun, pengurangan selanjutnya pasti memberikan kelebihan saingan kepada Malaysia berbanding dua jiran itu yang kini di bawah `naungan' Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Dalam usaha pemulihan ekonomi, pelabur kecil turut memainkan fungsi

penting dan pada masa yang sama, usaha untuk menjadikan amanah saham sebagai landasan menggerak modal dilihat boleh disumbangkan oleh golongan pelabur seumpama itu. Dalam hubungan ini, pendapatan pelaburan daripada unit amanah mungkin dikecualikan daripada cukai.

Inilah diharapkan Institut Perakaunan Malaysia (MIA) dan Institut Percukaian Malaysia (MIT) yang mahukan kerajaan mengecualikan cukai pendapatan pelaburan bagi semua jenis amanah saham. Buat masa ini, pengecualian cukai cuma diberi terhadap pendapatan daripada jenis tertentu pelaburan dalam amanah saham.

Bagi rakyat biasa pula, MIA dan MIT mengharapkan kerajaan menghapus cukai yang dikenakan ke atas bayaran bonus oleh majikan dengan alasan pengenalan semula cukai itu sebelum ini, kurang tepat dalam keadaan sekarang kerana pekerja sudah dibebani tanpa bayaran bonus.

Untuk mempromosi industri kecil, pengusaha mengharapkan kerajaan menaikkan had pengecualian cukai jualan daripada RM100,000 sekarang kepada RM500,000.

Bagi kerajaan untuk memperbaiki akaun defisit semasa tahun ini, bergantung kepada keupayaan sektor pembuatan untuk mengekal saingannya, sebagai tindak balas kepada galakan eksport.

Bagi sektor insurans pula, ia mengharapkan kerajaan membenarkan pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli produk insurans nyawa iaitu insurans kesihatan dan anuiti.

Sebagai galakan bagi individu untuk mengambil anuiti, Persatuan Insurans Hayat Malaysia (Liam) misalnya mahukan insentif tanpa cukai RM5,000 diberikan untuk pembelian produk terbabit. Disebabkan bayaran premium ke dalam tabung anuiti adalah sama seperti simpanan dalam bank dan unit amanah, Liam mahukan pelaburan itu dikecualikan daripada cukai.

Sebagai usaha untuk menarik lebih ramai orang mengambil polisi insurans nyawa, Liam mengesyorkan perlepasan cukai yang lebih tinggi dikenakan. Jumlah perlepasan cukai persendirian bagi sumbangan kepada premium insurans dan kumpulan wang simpanan yang diluluskan, dinaikkan daripada RM3,500 kepada RM5,000 berkuat kuasa mulai tahun penilaian 1994.

Berdasarkan semua faktor itu, kemungkinan besar belanjawan kali ini, yang dilihat gagasan buat kali pertama hasil ilham Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), akan menyaksikan perubahan dalam pentadbiran percukaian, tetapi tidak membabitkan kenaikan dalam cukai.

Ini diperkuatkan oleh kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ogos lalu yang menyatakan kerajaan tidak bercadang menaikkan cukai dalam Belanjawan Negara 1999 dengan alasan tidak adil bagi kerajaan untuk mengenakan kenaikan cukai kepada rakyat ketika kedudukan ekonomi negara belum stabil.

Sektor korporat mungkin menerima kesan yang teruk jika cukai korporat dinaikkan sedangkan perniagaan dan pengeluaran mereka terjejas menyebabkan pendapatan merosot.

Cadangan kerajaan untuk tidak menaikkan cukai itu akan menyokong langkah fiskal dan kewangan yang diambil bagi pemulihan semula ekonomi. Dalam suasana ekonomi semasa, cadangan itu adalah tepat dan mampu membantu merangsang kegiatan ekonomi. Walaupun tindakan itu mungkin menjurus kepada belanjawan defisit, namun defisit itu bukan sesuatu yang membimbangkan jika ia diguna untuk meningkatkan produktiviti.

Seperti kata Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Mohd Haflah Piei, jika cukai korporat dinaikkan, ia bakal menjejaskan kesan positif yang mula kelihatan daripada pelaksanaan langkah fiskal dan kewangan oleh kerajaan.

(END)